



06 APR, 2021

Bantu belia jadi usahawan tani

MAFI anjur program bicara bisnes industri pertanian negara

Oleh MOHD HAFIZ ISMAIL

PUTRAJAYA

Jabatan Pertanian mensasarkan seramai 500 peserta terutama graduan dan belia menyertai projek ladang kontrak dengan lapan syarikat terpilih pada tahun ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata, bagi menjayakan hasrat itu, Jabatan Pertanian memperkenalkan modul dan konsep kontrak ladang antara penanaman dengan pemain industri

yang berpotensi sebagai syarikat utama untuk tanaman terpilih.

“Hari ini, Jabatan Pertanian berjaya menemukan syarikat-syarikat utama dengan bakal penanam kontrak yang terdiri daripada golongan belia negara iaitu seramai 150 orang graduan institusi pengajian tinggi awam dan swasta, Sijil Pertanian dan Sijil Kemahiran Malaysia di bawah kementerian ini.

“Saya difahamkan program ini disertai melalui pendaftaran secara dalam talian untuk tempoh hanya tiga hari.

“Sambutan diterima sangat menggalakkan sehingga mencapai 364 penyertaan daripada graduan, namun kita mematuhi prosedur operasi standard

ditetapkan dengan jumlah peserta terpaksa dihadkan,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Business Talk: Selangkah Ke

Industri Pertanian di kementeriannya, di sini pada Isnin.

Ronald berkata, menerusi kontrak ladang yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian ini ia juga untuk membantu mereka yang terjejas dengan Covid-19 di negara ini.

“Program ini dilihat memberi manfaat kepada usahawan

yang terbabit dari segi meningkatkan produktiviti ladang, menjamin bekalan mencukupi dan memperoleh harga yang tinggi,” katanya.

Selain itu, katanya, kita juga dapat menyelesaikan masalah kekurangan tanah dan sumber tenaga kerja kerana melalui kontak ladang ini ia

akan dibangunkan dengan perkongsian pakej teknologi tanaman terbaik.

Menurutnya, Jabatan Pertanian telah merangka strategi untuk mengeksport hasil tanaman yang telah melebihi tahap sara diri 100 peratus di bawah program pengeksportan buah-buahan dan sayur-sayuran dengan penglibatan pemain industri di sepanjang rantau nilai.

“Pada masa ini, Jabatan Pertanian memberikan fokus kepada buah-buahan tropika terlebih dahulu seperti durian, nangka, tembakai dan betik untuk dieksport serta pengekuaran cili, kubis bulat dan halia bagi memenuhi keperlu-

an tempatan,” katanya.

Beliau berkata, pada tahun 2013, eksport buah-buahan negara adalah RM675 juta manakala pada 2018 telah meningkat hampir dua kali ganda iaitu RM1.3 bilion.



Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 3

Bantu belia jadi usahawan tani



06 APR, 2021

Bantu belia jadi usahawan tani

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 3



Ronald (kiri) bertemu dengan sebahagian bakal penanam kontrak yang terdiri daripada golongan belia negara pada program Business Talk: Selangkah ke Industri Pertanian di Putrajaya pada Isnin.



06 APR, 2021

Bantu belia jadi usahawan tani

Sinar Harian, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

MAFI anjur program bicara bisnes industri pertanian negara Oleh MOHD HAFIZ ISMAIL Jabatan Pertanian mensasarkan seramai 500 peserta terutama graduan dan belia menyertai projek ladang kontrak dengan lapan syarikat terpilih pada tahun ini. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata, bagi menjayakan hasrat itu, Jabatan Pertanian memperkenalkan modul dan konsep kontrak ladang antara penanam dengan pemain industri PUTRAJAYA

yang berpotensi sebagai syarikat utama untuk tanaman terpilih.